

MARITIM NUSANTARA: PEMBUKTIAN PANTUN TRADISIONAL MELAYU

Maulana Al-Fin Che Man^{1*}, Nor Hashimah Jalaluddin² dan Junaini Kasdan³

¹Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM

² Program Linguistik, FSSK, UKM

³Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM

ABSTRAK

Pantun dan masyarakat mempunyai hubungan yang begitu akrab. Pantun Melayu menyerlahkan pemikiran, pengalaman, emosi, harapan dan sentimen masyarakat Melayu. Keindahan pantun tersebut dapat dilihat melalui ciri-ciri dalamannya yang tepat, mengandungi pengertian, pemikiran dan falsafah yang keseluruhannya terkandung dalam sebuah ungkapan. Dalam ungkapan pantun yang terdiri daripada baris pembayang dan baris maksud, terdapat unsur alam seperti flora, fauna dan juga ilmu-ilmu yang dimiliki oleh masyarakat terdahulu untuk membentuk sebuah pantun. Kajian ini bertujuan meneliti kearifan orang Melayu dalam ilmu maritim yang terdapat dalam pantun tradisional Melayu dan membuktikan bahawa masyarakat Melayu merupakan masyarakat maritim yang unggul. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur maritim dalam pantun tradisional Melayu dan menghuraikan secara deskriptif pantun Melayu yang berunsurkan maritim. Kajian ini difokuskan kepada data pantun yang berunsurkan maritim dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu* (2013). Terdapat sebanyak 803 pantun yang berunsurkan maritim. Penganalisan kajian difokuskan terhadap domain-domain maritim yang paling dominan dalam pantun Melayu, seperti geografi, pengangkutan air, flora dan fauna, barang dan makanan, serta orang. Selanjutnya, kajian ini akan mengkategorikan dan menghuraikan secara deskriptif pantun maritim yang terdapat dalam buku tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa maritim Nusantara dapat dibuktikan melalui pantun tradisional Melayu yang telah dikategorikan mengikut domain yang disenaraikan. Justeru, kajian ini secara tidak langsung dapat mencungkil kehebatan masyarakat Melayu dalam ilmu kelautan atau ilmu maritim.

Kata Kunci: ilmu maritim, ilmu kelautan, pantun melayu, nusantara, linguistik

1. PENGENALAN

Menurut R. J. Wilkinson & R. O. Winstedt (1961) "*orang asing yang belum mengenal pantun, boleh dikatakan orang itu belum mengenal rohani dan jalan fikiran orang Melayu yang sebenar*". Pantun merupakan sebuah warisan teras hati budi masyarakat Melayu yang penuh dengan kesantunan dan nilai-nilai yang luhur. Ujaran dalam pantun lahir seiring dengan bermulanya kehidupan dan tumbuhnya Melayu. Kenyataan ini berhubung kait dengan kajian yang dijalankan oleh Profesor Diraja Ungku Aziz (2011) dalam *Wawancara Mingguan Malaysia "Saya Bangga Sebagai Melayu"* yang berpendapat bahawa sejak 800 tahun yang lampau pantun Melayu sudah wujud sebelum wujudnya William Shakespear. Ketika itu orang Melayu sudah menghafal pantun kerana ketika itu minda mereka tidak bercampur aduk dengan perkara-perkara asing. Melalui pantun juga pengkaji mendapati ada unsur-unsur yang berkaitan dengan maritim dan kelautan yang menjadi tunjang kepada kajian ini. Menurut Nordin Hussin (2011) dalam bukunya *Perdagangan dan Peradaban di Laut Melayu*, pemikiran masyarakat Melayu tentang laut dan kelautan dan kehidupan berteraskan kepada laut, jelas terserlah dalam kehidupan harian mereka dan terbukti dalam peribahasa, pantun seloka orang Melayu. Antaranya boleh dilihat dari pantun Melayu lama berikut:

*Koresponden: maulanaalfinchewan@gmail.com

*Belayar kapal ke Inderagiri,
Selisih perahu dekat pangkalan;
Kalau tak kenal siapa diri,
Payah nak tahu siapa Tuhan.*

*Kapal berlayar ke Malaka,
Dituntun masuk pelabuhan;
Orang ingin masuk neraka,
Ada banyak pilihan.*

Nordin Hussin (2011) juga berpendapat bahawa dunia kelautan sangat sehati dalam jiwa dan alam Melayu. Kehidupan orang Melayu banyak tertumpu kepada laut dan laut jugalah merupakan entiti yang menyatukan Dunia Melayu yang terpisah kepada gugusan kepulauan dan tanah daratan. Di samping itu, dunia maritim telah menghubungkan kehidupan dan petempatan masyarakat Melayu. Dalam kajian *Maritim Nusantara: Pembuktian Pantun Tradisional Melayu* ini pengkaji cuba untuk memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu terdahulu sudah mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan maritim melalui pantun Melayu. Melalui kajian ini pengkaji cuba mengenal pasti pantun-pantun yang memiliki unsur maritim dan seterusnya mengkategorikan pantun-pantun ini mengikut domain-domain yang telah dikenal pasti. Walau bagaimanapun kajian ini hanya akan mengenal pasti, mengkategorikan, dan menginterpretasikan makna tersirat pantun sahaja. Hal ini disebabkan, kajian yang dibuat ini adalah pada peringkat permulaan kajian bagi kajian selanjutnya.

1.1 Permasalahan Kajian

Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan dengan pantun dan kajian maritim yang telah diteliti oleh penulis, pengkaji mendapati kebanyakan pengkaji pantun yang lepas, seperti Zahir Ahmad (2005), Khalila Iliya Ismail dan Mohd Faizal Musa (2016), Siti Khairiah Mohd Zubir (2012), Nur'ain Nasir (2015), Muhammad Haji Salleh (2011), dan H. Tenas Effendy (2005) telah memilih unsur-unsur yang berbeza dengan unsur yang dipilih oleh pengkaji, iaitu terdiri daripada makanan, unsur sejarah, unsur feminisme, herba dan terdapat kajian pantun yang bersifat umum. Oleh itu, kajian ini akan memberikan tumpuan kepada pemilihan unsur maritim oleh pengkaji berbeza dengan pengkaji pantun yang lepas. Sementara itu, dalam kajian yang dilakukan oleh Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid (2011) walaupun beliau mengumpulkan pantun berunsur pelayaran dan perdagangan, namun beliau hanya mengumpulkan dan menyusun pantun-pantun tersebut mengikut tema, sedangkan kajian ini akan menganalisis lebih lanjut bagi menghuraikan makna secara deskriptif yang terkandung dalam pantun. Pemilihan domain yang dilakukan adalah berdasarkan penelitian terhadap leksikal maritim yang berkaitan dengan leksikal yang terdapat dalam pantun tersebut.

Secara umum, kajian tentang maritim juga sudah banyak dilakukan oleh penulis-pengkaji lepas. Namun pengkaji mendapati kajian-kajian maritim yang lepas banyak dilakukan dalam bidang sejarah, contohnya kajian yang dilakukan oleh Hassan Djafar (2009) dan Nordin Hussin (2011). Kajian sarjana ini berbeza sama sekali dengan kajian pengkaji, iaitu melibatkan bidang linguistik. Walau bagaimanapun, terdapat pengkaji lepas seperti M. Rafiek (2011) telah mengkaji tentang perluasan dan penyempitan makna kapal dan perahu dalam hikayat Melayu. Namun, kajian ini masih berbeza dengan kajian pengkaji yang melihat unsur maritim dan kelautan dalam pantun. Selain itu, kelompongan yang dapat diisi oleh pengkaji adalah dari segi data yang digunakan, iaitu data pantun, yang lebih luas dan terfokus pada satu unsur sahaja iaitu unsur maritim dengan mengumpulkan data pantun dari buku *Kurik Kundi Merah Saga* (2013).

1.2 Objektif

Kajian ini akan mengenal pasti dan mengkategorikan unsur maritim dan kelautan dalam pantun tradisional Melayu mengikut domain, seperti domain geografi, pengangkutan air, flora dan fauna, barang-barang serta makanan. Seterusnya, penulis akan menghuraikan dan menginterpretasikan makna tersirat pantun Melayu menggunakan konsep *ad hoc* dan pendekatan semantik inkuisitif

bagi mencungkil kebijaksanaan Melayu dalam mengolah pantun sehingga terserlah ilmu di sebalik pembinaan pantun ini.

2. KAJIAN LEPAS

Dalam setiap penyelidikan akademik, sorotan kosa ilmu merupakan perkara teras yang perlu dititikberatkan oleh pengkaji. Penyelidikan yang pernah dilakukan sebelum ini dalam bidang kajian harus dibaca, dikaji, dan diteliti satu demi satu untuk memastikan maklumat yang sesuai dengan permasalahan kajian dapat ditentukan dan penilaian yang kritis tentang kajian-kajian berkenaan dapat dibuat dengan adil dan berpeda.

2.1 Pengkajian Pantun dan Kehidupan Melayu

Kajian Pantun Melayu Sebagai Manifestasi Sosiobudaya dan Pensejarahan Melayu oleh Zahir Ahmad (2005) yang meneliti unsur-unsur sejarah yang terdapat dalam pantun Melayu. Contoh unsur sejarah adalah seperti nama tempat, nama tokoh, peristiwa, adat resam, dan budaya. Data kajian diperolehi dari buku Kurik Kundi Merah Saga (1) dan Puisi Melayu Tradisional oleh Harun Mat Piah (1989). Dalam kajian ini beliau sekadar menerangkan makna di sebalik pemilihan domain-domain sejarah berdasarkan rakaman pengalaman dan pemerhatian peribadi pemantun. Selain itu, beliau juga melihat perkaitan sejarah dengan domain yang telah dikemukakan itu.

Selanjutnya, kajian Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid (2011) bertajuk Pantun dan 'Kebijaksanaan Akal Budi Melayu' yang pada asalnya merupakan kertas *Syarahana Raja Ali Haji ke-17* yang diadakan pada 4 Disember 2009 di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Dalam kajian ini, beliau mengaitkan pantun Melayu dengan ilmu pelayaran dan perdagangan masyarakat Melayu. Beliau membahagikan pantun-pantun yang dikaji kepada tiga, iaitu pantun 'pilihan pedagang', 'pantun musim dan angin' dan 'pantun kanak-kanak'. Beliau menganalisis 23 pantun yang dirakam dalam enam sumber rujukan. Kesemua pantun tersebut telah dikelompokkan kepada tiga tema, iaitu "cinta yang kekal dan yang gagal", "pedagang dan pelayaran", dan "adab, kesopanan, rendah diri dan berhutang". Namun, melalui kajian tersebut, beliau hanya sekadar memaparkan struktur pantun yang menunjukkan tiga kumpulan pantun berkenaan.

Selain itu, kajian Makanan dalam Pembayang Pantun Melayu berdasarkan Kumpulan Kurik Kundi Merah Saga: Satu Pengamatan Awal oleh Khalila Ilia Ismail dan Mohd Faizal Musa (2014) pula meneliti tentang unsur makanan dalam pembayang pantun dari segi peranan dan fungsinya. Pengkaji ini menghuraikan lapan rangkap pantun dari 5168 rangkap pantun melalui empat kategori, iaitu makanan dan peranan, makanan dan resipi, makanan dan penyediaan, dan makanan sahaja. Berdasarkan empat kategori ini, pengkaji sekadar menerangkan tentang makna yang terdapat pada pantun yang dipilih dan tidak menghuraikan secara mendalam faktor pemilihan makanan dalam pantun Melayu.

Kajian Siti Khairiah Mohd Zubir (2012) menyentuh tentang Unsur Feminisme dalam Pantun Melayu (2012). Pengkaji memberikan tumpuan pada kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu dengan memilih 10 rangkap pantun yang berbeza dan menggunakan pendekatan Feminisme dan pendekatan Moral Islam. Analisis unsur feminisme dalam pantun Melayu berdasarkan beberapa domain, seperti hak dan kepentingan wanita, keberanian bersuara, kehalusan perilaku gadis Melayu, susuk tubuh yang menawan dan pertuturan sopan. Beliau menghuraikan maksud pantun yang dipilih menggunakan dua pendekatan yang disebutkan.

Sama seperti pengkaji yang lain, H. Tenas Effendy (2005) dalam bukunya yang bertajuk "Pantun Nasehat" juga meneliti pantun Melayu ini. Menurut beliau, pantun dijadikan sebagai antara medium utama untuk menyampaikan mesej berbentuk nasihat dan dakwah kepada pendengar oleh pemantun, yang turut dikenali sebagai 'pantun berisi' atau 'pantun tunjuk ajar' dalam pelbagai lapisan umur, terutamanya kanak-kanak dan remaja. Contohnya seperti pantun berikut:

Pucuk dedap selera dedap,
Sudah bertangkai setapak jari;
Duduklah anak membaca kitab,
Sesudah pandai tegak berdiri.

Hasil kajian, antara lain memberikan gambaran bahawa pemikiran masyarakat Melayu pada zaman dahulu dapat dizahirkan melalui pantun, khususnya yang berbentuk nasihat.

Selanjutnya, Muhammad Haji Salleh (2006), dalam kajiannya yang bertajuk *Dalam Daun Ada Bicara: Falsafah Alam Pantun Melayu* juga melihat peranan pantun dalam masyarakat Melayu. Kajian ini lebih memberi tumpuan kepada pengaruh alam yang mempengaruhi gaya kehidupan manusia. Pengaruh alam sekeliling dalam pantun dibahagikan kepada 12 topik kecil yang bertajuk "Alam Renungan". Topik-topik tersebut menghuraikan cara orang Melayu mengimplimentasikan unsur alam sekeliling dalam segenap aspek kehidupan mereka, yang dizahirkan melalui penciptaan pantun. Secara kolektifnya, kajian ini membuktikan bahawa alam sekeliling sememangnya mempengaruhi penciptaan pantun Melayu kerana unsur tersebut sangat dekat dengan orang Melayu itu sendiri.

2.2 Pengkajian Maritim di Alam Melayu

Kajian oleh M. Rafiek (2011) tentang *Kapal dan Perahu dalam Hikayat Raja Banjar: Kajian Semantik* telah meneliti kapal dan perahu dalam hikayat dari sudut semantik. Dalam kajian ini beliau menekankan tentang peluasan dan penyempitan makna bagi kedua-dua pengangkutan air tersebut. Beliau mengenal pasti data-data yang menyebut perkataan, seperti kapal, pelang, perahu dan benawa dalam teks hikayat tersebut yang muncul sebanyak enam kali dari segi frekuensinya. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah kualitatif dengan teknik analisis semantik dan analisis isi. Hasilnya, beliau mendapati bahawa 'kapal' dalam hikayat Raja Banjar ini membawa makna yang luas, manakala 'perahu' pula membawa makna yang lebih sempit.

Seterusnya, Hassan Djafar (2009) meneliti tentang *Kapal dalam Naskah dan Prasasti Abad XII-XIV: Mencari Bentuk Kapal Majapahit (Sebuah Survei Bibliografis)* melalui empat buah naskah Jawa Kuno dari masa Kendiri, tujuh buah naskah dari masa Majapahit yang berbahasa Jawa Kuno dan Jawa Tengah, dan sebuah naskah berbahasa Sunda Kuno. Daripada 12 naskah tersebut beliau menemukan penggunaan kata "parahu", "perahu", "jukung" dan "jong". Temuan kata-kata seperti ini dalam naskah sastra klasik oleh Djafar tersebut semakin memperkuat bukti bahawa dalam naskah sastra klasik ada penyebutan atau penggunaan kata kapal dan perahu. Jadi dalam kajian ini pengkaji lepas hanya mengenal pasti dan membuat pembuktian bahawa perkataan kapal, jung dan perahu telah digunakan pada suatu masa dahulu.

Selanjutnya, kajian *Perdagangan dan Peradaban di Laut Malayu* oleh Nordin Hussin (2011) pula mendapati bahawa tiga aspek utama yang membentuk peradaban Melayu adalah lautan, pelayaran dan perdagangan. Kajian ini menjelaskan persoalan tentang sejarah sosial dan ekonomi yang berlaku di Laut Malayu, kepentingan Laut Malayu sebagai laluan utama perdagangan dunia, pelabuhan utama yang muncul dan berkembang di Laut Malayu, masyarakat pedagang, konsep bandar natif/peribumi dan cara pelabuhan dan masyarakat yang mendiami pelabuhan yang terletak di Laut Malayu memainkan peranan mereka. Pada pengamatan penulis,

kajian ini merupakan kajian dalam bidang sejarah kerana maklumat yang disampaikan kebanyakannya berdasarkan pensejarahan maritim masyarakat Melayu dahulu.

Pengkajian lalu tentang maritim di Alam Melayu telah memberikan inspirasi untuk penulis melakukan penerokaan yang sama, tetapi menggunakan data pantun, sekali gus bagi mengisi kelompongan yang ditinggalkan dalam kelompok pengkajian pantun di Alam Melayu.

3. METODOLOGI


Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data merupakan proses pengumpulan pemboleh ubah dan penyelidik akan menentukan prosedur, teknik serta aspek pengumpulan data yang sesuai dengan kajiannya. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Kajian kepustakaan digunakan untuk mendapatkan data sekunder dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Data primer yang digunakan dalam kajian ini diperoleh daripada buku kumpulan pantun lisan *Kurik Kundi Merah Saga* (2013) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemilihan data dilakukan dengan menggunakan teknik pengkategorian domain. Sebanyak 5154 rangkap pantun yang telah diteliti oleh pengkaji bagi mengenal pasti pantun yang berunsurkan maritim. Di sini pengkaji menyatakan bahawa batasan analisis kajian ini adalah pada mengenal pasti dan membina domain terhadap pantun maritim dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* sahaja serta diperkukuhkan dengan bukti korpus. Hal ini demikian kerana kajian ini merupakan kajian permulaan bagi penyelidikan selanjutnya.

Bagi mencapai objektif kajian yang disasarkan, pengkaji mengkategorikan domain-domain yang berkaitan dengan unsur-unsur maritim yang terdapat dalam pantun Melayu. Domain yang terlibat dalam pengumpulan data ini terfokus pada domain yang berkaitan dengan maritim, seperti geografi, pengangkutan air, flora dan fauna, barang dan makanan, dan manusia. Domain geografi merangkumi leksikal *tanjung, kuala, teluk, laut, pantai, nama tempat, gelombang, ombak, puting anak, air pasang, angin, muara, arus, bulan, ribut, dan taufan*, yang secara umumnya meliputi 408 buah pantun. Bagi domain pengangkutan air pula meliputi *perahu, sampan, rakit, kolek, kapal, dan jong* yang jumlahnya adalah sebanyak 247 buah pantun. Domain flora dan fauna merangkumi *sotong, karang, todak, kerapu, duri, talang, lumut, belangkas, anak yu, sembilang, tamban, senangin, bilis, gelama, ikan lumba, pari, lokan, penyu, terubuk, ambung-ambung* (tumbuhan di tepi pantai), dan *camar* tercatat sebanyak 75 buah pantun. Selanjutnya, domain barang dan makanan, termasuk *sauh, dayung, layar/layang, kemudi, tali, kayu jati, pukut, jala, galah, tiang, peti, geluk kaca, jerami padi, kendi, beras, pisang emas, manggis, telur, tepung gomak, dan buah perpat* tercatat dalam 60 buah pantun. Di samping itu, domain manusia meliputi *nakhoda, kelasi, nelayan, malim, tukang perahu, tuan dan tuan haji* tercatat sebanyak 13 buah pantun.

Merujuk kepada David de Vaus (2002) dalam bukunya *Research Design in Social Research*, sesuatu penyelidikan itu boleh dilakukan untuk menjawab satu daripada persoalan yang berikut: i) *What is going on – descriptive research* dan ii) *Why is it going on – explanatory research*. Kedua-dua ‘apa’ (*what*) dan ‘mengapa’ (*why*) boleh dilakukan dalam ilmu linguistik. Penyelidikan ‘apa’ hanya sekadar memaparkan dapatan kajian tanpa ada penjelasan terperinci mengenai mengapa sesuatu fenomena itu berlaku. Penyelidikan ‘apa’ juga dikenali sebagai kajian deskriptif. Meskipun penyelidikan deskriptif kurang digemari tetapi huraian yang baik boleh membantu memahami penggunaan bahasa dalam masyarakat dengan lebih baik. Contohnya, kajian bahasa yang digunakan di sektor awam dan swasta. Selalunya yang ada dalam penyelidikan deskriptif ini hanyalah paparan statistik mengenai perkara yang dikaji. Tidak ada huraian mendalam yang diberikan. Hal ini sesuai dengan taraf dan tujuan penyelidikan itu sendiri.

Selanjutnya, penyelidikan ‘mengapa’ pula adalah penyelidikan yang lebih mencabar sifatnya. Penyelidikan ini perlu menghuraikan dan menjelaskan sebab sesuatu fenomena itu wujud.

Contohnya, dalam pantun Melayu terdapat unsur-unsur pembayang, seperti unsur maritim, yang perlu dijelaskan sebab-musabab masyarakat Melayu dahulu memilih unsur-unsur yang berkaitan dalam pantun mereka. Dengan itu, satu kajian harus dilakukan untuk menjelaskan alasan fenomena ini berlaku. Usaha untuk menjawab persoalan tersebut memerlukan penelitian yang rapi dengan bersandarkan kepada data yang mencukupi dan rangka kerja yang boleh dipertanggungjawabkan kesahihannya (Nor Hashimah Jalaluddin, 2006). Selaras dengan pendapat tersebut, maka kajian ini akan mengikut tatacara seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1 yang berikut.



Rajah 1 Ringkasan Tatacara Kajian

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini memaparkan pengkategorian domain berunsurkan maritim dan penginterpretasian secara mendalam mengenai analisis makna secara tersirat yang terdapat dalam buku pantun *Kurik Kundi Merah Saga* (2013). Perbincangan adalah mengenai pengkategorian domain maritim dan penginterpretasian makna secara tersirat melalui pembayang dan maksud pantun Melayu. Dalam hal ini, perbincangan hanya terbatas pada peringkat harfiah dan tersirat sahaja kerana kajian ini merupakan kajian permulaan terhadap kajian maritim dalam bidang linguistik. Perbincangan selanjutnya mengacu pada Jadual 1 yang berikut.

Jadual 1 Bilangan Dan Peratusan Pantun Mengikut Domain Berunsurkan Maritim Dan Kelautan

Jenis Domain	Bilangan Pantun	Peratus (%)
Geografi	408	51
Pengangkutan Air	247	31
Flora dan Fauna	75	9
Barang dan Makanan	60	7
Manusia	13	2

Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan dan peratusan pantun yang berkaitan domain unsur maritim dan kelautan. Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh penulis, didapati terdapat lima domain yang dapat disenaraikan, iaitu domain geografi, pengangkutan air, flora dan fauna, barang dan makanan, dan orang. Berdasarkan jadual 1 domain geografi mencatatkan bilangan yang tertinggi iaitu hadir dalam 408 data pantun Melayu bersamaan dengan 51%. Seterusnya angka ini diikuti dengan domain pengangkutan air 31% bersamaan dengan 247 data pantun. Catatan ketiga tertinggi merujuk kepada domain flora dan fauna yang menunjukkan peratusan sebanyak

9% bersamaan 75 data pantun. Domain barang dan makanan yang dibawa dalam pelayaran yang menunjukkan bilangan sebanyak 60 data pantun bersamaan 7%. Domain yang mencatatkan bilangan terendah ialah domain orang, iaitu sebanyak 13 data pantun dan bersamaan dengan 2% sahaja.

Bilangan penggunaan yang tertinggi dicatatkan oleh domain geografi iaitu 51%. Hal ini disebabkan oleh data pantun dicipta dan ditulis berasaskan pengalaman dan sejarah hidup si pemilik pantun. Pengalaman hidup berkenaan yang dilingkari oleh fenomena alam, menjadi pencetus kepada kewujudan pantun. Selain itu, leksikal-leksikal seperti *tanjung, kuala, teluk, laut, pantai, nama tempat, gelombang, ombak, puting anak, air pasang, angin, muara, arus, bulan, ribut, dan taufan* mengukuhkan lagi faktor domain geografi mencatatkan bilangan tertinggi. Hal ini lantas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu terdahulu sudah sampai ke tempat-tempat yang dinyatakan dalam pantun tersebut dengan menggunakan laluan laut. Pengalaman hidup masyarakat Melayu berkenaan kemudiannya diterjemahkan dengan penggunaan bahasa yang bersifat metafora yakni dalam penghasilan pantun. Penciptaan pantun ini dikatakan mengambil item-item yang banyak berstruktur atau bersifat konkrit dalam pengalaman hidup sebagai sumber domain untuk memahami sesuatu konsep yang lain. Berikut pengkaji kemukakan dapatan carian konkordans berdasarkan kolokasi kata bagi leksikal yang berkaitan dengan maritim atau kelautan dalam data korpus DBP. Data korpus ini terdiri daripada teks tulisan yang merangkumi teks Melayu lama (daripada hikayat dan kitab) dan teks moden terutamanya daripada sumber buku, akhbar, dan majalah. Hasilnya didapati bahawa kekerapan tertinggi bagi domain maritim atau kelautan ialah domain geografi, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Contoh Kolokasi Korpus DBP Domain Geografi

1.	Tiba-tiba ***ombak*** besar meluru ke pantai.
2.	... atas batu atau batu karang; terdedah kepada tindakan ***ombak*** kuat.
3.	Airnya bening dengan ***ombak*** yang tidak putus menari mengiringi angin laut yang...
4.	Kajian terbaru menunjukkan nenek moyang mereka sudah mendiami ***pulau*** Taiwan lebih kurang 8000 tahun sebelum imigran Cina...
5.	Mereka sekarang tercampak ke sebuah ***pulau*** yang kecil terpencil jauh daripada pulau-pulau atau daratan...
6.	Sumatera adalah ***pulau*** paling besar dalam gugusan kepulauan Melayu dengan Jakarta ...
7.	...membantu mendiagnosis perubatan, meramal keadaan angin, ribut, badai, ***taufan***, ombak besar (tsunami) dan lain-lain lagi.
8.	...terus nyalakan pelita bahasa biarpun di tengah ribut ***taufan*** di lautan bergelora meskipun sumbu yang bersisa cuma ...
9.	Menurutnya, dalam rondaan biasa di kawasan ***pantai*** itu, polis marin ternampak sebuah bot pancung berlabuh ...
10.	Sungguh chantek ombak2 itu kelihatan dari ***pantai***.
11.	Sudah lebih tiga jam dia menunggu di hujung ***tanjung***.
12.	... memperlahankan aliran air ke laut, khususnya di kawasan ***Kuala*** Muda.
13.	Baru kelmarin dulu nelayan-nelayan ***Teluk*** Belunu telah digempari oleh sebuah kisah yang mencemarkan.
14.	... belayar di laut, jikalau nakhoda hendak singgah di ***teluk***, atau di rantau atau di pulau, maka hendaklah ...
15.	Kami yang di Singapura disebut dengan nama sungai, ***tanjung*** dan teluk masing-masing.

Dapatan kolokasi kata yang berkaitan dengan geografi ini menunjukkan bahawa orang Melayu dahulu menciptakan pantun dengan mengamati alam sekeliling mereka ketika belayar ke tempat-tempat baharu. Berikut contoh pantun yang mengandungi leksikal maritim geografi (pulau dan kuala) adalah seperti;

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang dua;
Hancurlah badan dikandung tanah,
Budilah baik dikenang juga.

Tinggi bukit Gunung Gelama,
Jong berlabuh di **Kuala Kedah**;
Adik pergi jangan lama,
Baru ditinggal seminggu sudah.

Kedua-dua pantun di atas merupakan salah satu pantun budi yang sering didengari dalam masyarakat kini. Kebanyakan lapisan masyarakat di Malaysia mampu mengingat pantun tersebut. Melalui pantun ini dapat menunjukkan bahawa masyarakat Melayu terdahulu telah belayar ke banyak tempat melalui jalan laut. Menurut Abdul Mua'ti @ Zambri Ahmad (2016) orang Melayu belayar menggunakan pedoman alam sekeliling seperti bintang, ombak, pulau burung, dan lain-lain lagi. Kedua-dua pantun ini terdapat perbezaan pada baris kedua ayat pembayang iaitu berkaitan bilangan cabang pada Gunung Daik. Pantun pertama menyebut dua manakala pantun kedua menyebut tiga. Hal ini demikian kerana, Gunung Daik yang terletak di Pulau Daik merupakan salah satu pedoman kepada pelayar terdahulu dalam menentukan arah pelayaran mereka. Melalui bilangan cabang Gunung Daik ini, para pelayar dapat menentukan arah pelayaran dengan tepat. Dalam masa yang sama menunjukkan masyarakat Melayu terdahulu sangat rapat dengan alam sekeliling. Oleh itu, masyarakat Melayu terdahulu dapat menganalogikan alam sekeliling banyak berbudi kepada manusia. Dalam hal yang sebenar, orang Melayu sangat menekankan tentang nilai mengenang budi sesama manusia.

Seterusnya, pengkaji kemukakan pula contoh kolokasi kata bagi domain maritim atau kelautan yang mencatatkan peratusan yang terendah, iaitu domain manusia, sebanyak 2% sahaja. Domain manusia merujuk kepada leksikal-leksikal seperti *nakhoda*, *kelasi*, *nelayan*, *malim*, *tukang perahu*, *tuan dan tuan haji*. Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati bahawa penggunaan leksikal yang melibatkan orang tidak banyak dijumpai dalam pantun Melayu yang berkaitan dengan maritim. Pada pendapat pengkaji leksikal ini sudah difahami bersama-sama domain yang lain seperti geografi, pengangkutan air, flora dan fauna, dan barang dan makanan yang sudah pasti mempunyai penggerakannya iaitu manusia. Berikutnya merupakan contoh pantun dan contoh korpus yang berkait dengan domain manusia.

Layang emas terbang bertiga,
Mari hinggap di pohon kelapa;
Kapal emas sauh suasa,
Abang nak minta jadi **nakhoda**.

Tuan Haji berbaju jubah,
Mari salin dalam perahu;
Hati tuan belum berubah,
Hati saya manakan tahu.

Jadual 3 Contoh Kolokasi Korpus DBP Domain Manusia

1.	Setelah berapa antaranya maka ***nakhoda*** kapal pun turun pula mengadap Raja Syahr ...
2.	... Hang Nadim pun berkayuhlah sungguh-sungguh, sampailah ke jong ***Nakhoda*** Sidi Ahmad.
3.	***Nakhoda*** dan pergerakan kapal itu sendiri melambangkan arah sesuatu ...
4.	Semua puisi beliau berkisarkan kehidupan ***nelayan***, laut dan alam, cukup menarik minat pelbagai golongan ...
5.	Sebuah kapal ***nelayan***, dengan tiang tunggalnya digantungi derek pengangkut pangkal ...
6.	***Nelayan*** tidak pergi ke laut apabila musim tengkujuh kerana ...

7.	Tersebut kisah Tuanku ***Malim*** Kundang, setelah lama belayar dan berniaga maka ...
8.	Arahkan semua ***awak-awak*** kapal berada di tempat masing-masing.
9	... air dari laut." Dia memanggil dua orang lagi kelasi dari depan.
10	"Kumpulkan lima orang kelasi dari bangsa Sepanyol, tetapi pastikan mereka orang yang ...

Berdasarkan contoh-contoh data korpus yang dipaparkan, menunjukkan bahawa frekuensi terendah yang ditunjukkan pada domain manusia adalah disebabkan pemantun dahulu sudah menganggap sememangnya ada satu penggerak terhadap domain-domain lain, iaitu manusia. Selain itu, masyarakat Melayu juga lebih mengamalkan sikap rendah diri dan tidak suka menonjolkan diri dengan pangkat dan jawatan yang di miliki. Oleh itu, penggunaan unsur domain manusia ini kurang dijumpai dalam pantun-pantun Melayu. Selain daripada itu, pengkaji juga menginterpretasikan kekurangan penggunaan domain manusia ini juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dahulu tidak suka untuk menonjolkan diri atau bersikap menunjuk-nunjuk tentang kejayaan yang telah mereka kecapai. Contohnya, kejayaan mereka belayar ke seluruh pelosok dunia melalui jalan air.

4.1 Implikasi Kajian


Melalui kajian ini, pengkaji percaya bahawa masyarakat Melayu dahulu merupakan masyarakat maritim yang sangat hebat. Hal ini telah ditunjukkan dalam pantun-pantun lisan Melayu yang terdapat dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* (2013). Berdasarkan leksikal-leksikal yang digunakan dalam pantun berunsurkan maritim ini terbukti bahawa masyarakat Melayu memulakan pelayaran dengan mencipta pengangkutan air sendiri dan mengabadikan segala pengalaman mereka di dalam pantun. Menurut Lynda Norene Shaffer (1996) dalam bukunya, *Maritime Southeast Asia to 1500*, masyarakat Malayo-Polinesia sudah mula belayar dari selatan China menuju ke Taiwan sejak 4000 B.C.E. Namun, mereka ini tidak dikenali sebagai masyarakat Cina kerana perbezaan dari segi budaya, etnik dan bahasa yang sangat ketara. Kemudian golongan ini berlayar ke Selatan Filipina seterusnya menetap di Timur Indonesia. Di antara 3000 dan 2000 B.C.E pula masyarakat ini telah mendiami pulau-pulau di sekitar Asia Tenggara sebagai kerajaan maritim. Sesiapa yang tinggal di kawasan ini dikenali sebagai Melayu. Pada 1500 B.C.E masyarakat ini berhijrah pula ke kepulauan Bismarck yang berada di utara New Guinea. Selang beberapa abad mereka telah menjumpai beberapa pulau yang sekarang dikenali sebagai Barat Polinesia (Fiji, Tonga dan Samoa) dan terdapat budaya Polinesia berkembang di sana.

Seterusnya, pelayar-pelayar ini meneruskan perjalanan menghadap ke utara sehingga jajahan pulau-pulau yang tiada penghuni di Hawaii, iaitu Aotearoa (New Zealand) dan Rapa Nui (Easter Island) (Finney, 1994). Dalam bukunya, beliau turut menyatakan pada 500 C.E nenek moyang Malayo-Polinesia ini telah belayar sehingga ke kepulauan Rapa Nui, iaitu 2,300 batu dari pantai Amerika Selatan (Finney, 1994). Hal ini menunjukkan bahawa Malayo-Polinesia ini sudah pun belayar sehingga Amerika Selatan. Sebelum masyarakat Eropah tiba di Lautan Pasifik, telah wujud tanaman seperti ubi keledak Andean dan buah Manioc (Ubi Kayu) yang telah ditanam di kepulauan Easter dan juga terdapat barangan domestik lain dari Amerika Selatan. Hal ini menunjukkan bahawa Malayo-Polinesia ini sudah berhubung dengan masyarakat Amerika Selatan dan dibawa ke Pulau Easter.

4.1.1 Pelayar Melayu (*The Malays Sailor*)

Berdasarkan kenyataan Lynda Norene (1996), pada awal milenium pertama orang Melayu sudah menjadi pelayar yang berani belayar dengan jarak yang jauh. Banyak alat tembikar tradisi buatan Sa-Hunynh-Kalanay dari Vietnam dijumpai di Asia Tenggara termasuk Thailand, Filipina,

Malaysia dan Indonesia (Glover, 1979). Di samping itu, orang Melayu juga turut memainkan peranan penting dalam penyebaran alat tembikar dan juga gendang Dongsan dari Timur Vietnam ini ke pusat-pusat maritim di Asia Tenggara. Pelayar Melayu merupakan pelayar yang hebat kerana mampu belayar tanpa menggunakan kompas dan peta. Mereka mampu belayar dengan berpandukan arah angin dan bintang, mengikut bentuk dan warna awan, warna air dan ombak di laut. Selain itu, mereka juga boleh mengesan pulau-pulau untuk menjadi tempat berlindung, walaupun kedudukan pulau tersebut berada sejauh 30 batu dengan mengesan bahagian-bahagian pulau, seperti tanjung, teluk dan muara. Hal ini dilakukan dengan membuat pemerhatian berdasarkan tingkah laku burung, kehidupan haiwan lain, pokok dan ombak (Taylor, 1976). Namun, kesemua ilmu kelautan yang kompleks ini telah diturunkan secara lisan dari satu generasi kepada generasi berikut. Rajah 3 merupakan garis masa pergerakan pelayaran masyarakat Malayo-Polinesia:



Rajah 3 Garis Masa Pergerakan Pelayaran Masyarakat Malayo-Polinesia

Berdasarkan garis masa yang ditunjukkan dalam Rajah 3, jelas menunjukkan bahawa Malayo-Polinesia merupakan salah satu rumpun Melayu yang telah menjalankan aktiviti pelayaran terawal di dunia dan menerokai lautan sebelum bangsa Eropah mula meneroka dunia melalui laut. Menurut Bellwood (1992:92), dalam bukunya *Southeast Asia Before History*, sudah terdapat artifak di tapak Zhiejiang selatan Sungai Yangzi, seperti bahan pertanian yang diperbuat daripada kayu dan tulang, serat-serat, periuk tanah liat, alat pertukangan kayu dan tulang haiwan-haiwan domestik seperti khinzir, ayam dan anjing. Selain itu, turut dijumpai perahu, dayung, tikar dan tali yang telah dibawa oleh pendatang yang dikenali sebagai Malayo Polinesia (Bellwood, 1992:92). Hal ini dapat membuktikan bahawa masyarakat Melayu merupakan pelayar-pelayar awal

yang telah belayar merentasi lautan sejak 4000 B.C.E lagi. Kesemua pengalaman dan perkara yang berkaitan maritim dan kelautan telah diabadikan dalam pantun yang telah wujud pada 800 tahun yang lalu. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa pantun Melayu telah melakar peristiwa dan pertemuan-pertemuan tentang maritim berdasarkan pengalaman pelayaran orang Melayu.

5. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan kajian ini dapat membuktikan bahawa masyarakat Melayu dahulu merupakan masyarakat yang hebat dalam maritim dan kelautan. Berdasarkan garis masa yang dilakukan pada bahagian kesan kajian ini dapat menyaksikan bahawa orang Melayu sudah pun mula belayar sejak 4000 tahun yang lalu, sebelum bangsa Eropah menerokai dunia. Segala pengalaman yang diperoleh semasa pelayaran semuanya diabadikan dalam karya pantun secara lisan sebelum ditulis untuk dijadikan penghibur hati, peringatan dan nasihat sejak 800 tahun dahulu. Oleh hal yang demikian kajian permulaan ini akan diteruskan lagi bagi mencungkil akal budi Melayu dan falsafahnya di sebalik pantun yang berunsurkan maritim dan kelautan.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah berasaskan Projek TD-2012-006 yang dibiayai oleh Univeristi Kebangsaan Malaysia yang bertajuk, 'Elemen Saintifik dalam Kiasan Melayu dan Hubungannya dengan Akal Budi Melayu

RUJUKAN

- Ahmad Jelani Halimi. (2013). *Undang-undang Laut Melayu: Undang-undang Perahu dan Undang-undang Belayar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bellwod, Peter. (1992). *Southeast Asia Before History* In Tarling, ed. 1992: 55-136.
- David De Vaus. (2002). *Research Design in Social Research*. London: Sage Publications Thousand Oak. New Delhi.
- Finney, Ben. (1994). The Other Third of The Globe. *Journal of World History* 5 (2): 273-97.
- Francois Rene Daillie. (1988). *Alam pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Glover, Ian C. (1979). The Late Prehistoric Period in Indonesia. In Smith and Watson, eds. 1979: 167-84.
- Hasan Djafar. (2009). Kapal dalam Naskah dan Prasasti Abad XII-XIV: Mencari Bentuk Kapal Majapahit (Sebuah Survei Bibliografis). Makalah disampaikan pada Lokakarya Mencari Bentuk Kapal Majapahit anjuran Direktorat Jenderal Sejarah dan Purbakala, Jakarta, 29 Jun.
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Bangi. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Jelani Halimi. (2002). *Undang-Undang Laut Melayu: Undang-Undang Perahu Dan Undang-Undang Belayar*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalila Iliia Ismail dan Mohd Faizal Musa. (2016). Makanan Dalam Pembayang Pantun Melayu: Satu Wacana Dari Perspektif Gastronomi. *Jurnal Melayu* Vol. 15, No. 1 (2016): Bangi. Penerbit UKM.
- Kurik Kundi Merah Saga Kumpulan Pantun Lisan Melayu. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lynda Norene Shaffer. (1996). *Maritime Southeast Asia to 1500*. Armonk, New York: Library of Congress Cataloging in Publication Data.

- M. Rafiek. (2011). Kapal dan Perahu dalam Hikayat Raja Banjar: Kajian Semantik. Indonesia: *Borneo Research Journal*, Vol. 5, 130-145.
- Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Zuliskandar Ramli, Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Hasnira Hassan, Norlelawaty Haron, & Sharifah Nur Izzati Sayed Hasan. (2016). Artifak Perahu di Alam Melayu Sebelum Abad Ke-19. *Isu-isu Sains & Teknologi Di Alam Melayu*. Bab 14. ATMA: UKM.
- Muhamad Fadzllah Hj Zaini (2015) Analisis Pemetaan Metafora Unsur Flora dan Fauna dalam Pantun Melayu: Satu Tinjauan Awal. UPM. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). Dalam Daun Ada Bicara: Falsafah Alam Pantun Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Shuhaimi, Kamarudin AB. Razak dan Muhd Yusof Ibrahim. (2006). *Perahu, Masyarakat Maritim dan Pelabuhan Johor: Dahulu dan Kini*. Johor: Penerbit Yayasan Warisan Johor.
- Nordin Hussin. (2011). *Perdagangan dan Peradaban di Laut Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Pragmatik. Dlm. Fadzeli Jaafar. (pnyt.). *Pengenalan Linguistik Teoretis dan Aplikasi*, hlm 88-112. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). *Makna dan Akal Budi Melayu* dlm Nor Hashimah Jalaluddin dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (pnyt). *Linguistik Kontemporari*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). *Peribahasa dan Akal Budi Melayu* dlm Nor Hashimah Jalaluddin. (pnyt). *Kiasan, Kognitif dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur' Ain Nasir. (2015). Herba Daun-Daunan Dalam Pantun Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. Penulisan Ilmiah Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pisol Maidin. (2003). Tukang Timbal Membina Perahu: Tradisi dan Inovasi. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*. 21. pp. 39-56. ISSN 0127-2721.
- Siti Khairiah. (2012). Unsur Feminisme dalam Pantun Melayu. *Pendeta – Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu* Jilid 3, published by Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sulaiman Masri. (pnyt.). 2005. Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal, Tesis. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Taylor, Keith. (1976). Madagscar In The Ancient Malayo-Polynesian Myths. In *Explorations in Early Southeast Asian History: The Origins of Southeast Asian Statecraft*, ed. Kenneth R. Hall and John K. Whitmore. (Ann Arbor, MI: *Michigan Papers on South and Southeast Asia*. The University of Michigan Press.
- Tedjo Susilo. (1997). *Perahu Pinisi*. Jakarta: Departmen Pendidikan dan Kebudayaan Direktorat Jenderal Kebudayaan Direktorat Permuseuman Jakarta.
- Tenas Effeny. (2005). *Pantun Nasehat*. Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu. Penerbit Adicita Karya Nusa, Jogjakarta – ISBN 9799246350.
- Ungku Aziz. (2009). *Pantun dan Kebijaksanaan Akal Budi Melayu*. Kuala Lumpur: Syarahan Raja Haji Ali ke-17. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Abdul Aziz. 2011. *Pantun dan Kebijaksanaan Akal Budi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Yusof Hassan, Jazamuddin Baharuddin, Mohamad Shaidan & Zullkeply Mohamad. (1990). *Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wilkinson, R.J. & Winstedt R.O., (ed). (1961). *Pantun Melayu*. Malay Publishing House, Singapore. (Microfilm No. MFC NL 004/98-100, 1961), NLB, Singapura.
- Zahir Ahmad. (2005). *Pantun Melayu Sebagai Manifestasi Sosiobudaya Dan Pensejarahan Melayu*. *Jurnal Pengajian Melayu*.

RUJUKAN WEB

Abdul Mua'ti @ Zambri Ahmad. (2016). Melayu Yang Hilang. <https://www.youtube.com/watch?v=R34gE805sY4&t=2458s>. Majlis Ilmu Pulau Pinang.